

30 DEC 2001

BN MUNGKIN BINCANG PERMOHONAN PBS BULAN DEPAN

KOTA KINABALU, 30 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat berkata beliau menjangkakan permohonan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai semula Barisan Nasional akan dibincangkan oleh pemimpin-pemimpin parti komponen bulan depan.

Chong yang juga pengerusi BN negeri, berkata mesyuarat itu tidak dapat diadakan bulan ini disebabkan kesibukan perayaan Aidilfitri dan Krismas.

"Rumah terbuka akan terus diadakan di Kuala Lumpur dan juga di Sabah selama sebulan, jadi saya berpendapat BN akan bermesyuarat selepas itu, mungkin pada Januari," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pada 15 Nov lepas, presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad permohonan parti itu untuk menyertai semula BN, selepas 11 tahun meninggalkannya.

-- BERNAMA

NT MAI